
Pilih kata bilangan yang sesuai.



Kata Bilangan

TEMA 5 ALAM BERSIH HIDUP SEJAHTERA

Rumahku Mesra Alam

Pada setiap hujung minggu, Chun Han dan keluarganya bergotong-royong mengemas rumah. Setiap anggota keluarga mempunyai tugas. Ayah Chun Han memasang ____ keping bidai pada tingkap rumah. Oleh sebab itu, ____ kawasan di dalam rumah tidak panas. Jadi, penggunaan penyaman udara dapat dikurangkan.

Ibu Chun Han pula memberikan ____ helai kain pengelap kepada kakak Chun Han. Kain pengelap itu digunakan untuk mengelap habuk. Oleh sebab itu, mereka tidak perlu menggunakan tisu.

Di dapur, Chun Han menyusun ____ botol kaca di dalam kabinet. Botol-botol itu boleh digunakan semula untuk mengisi air kosong.

Di bilik tidur pula, kakak Chun Han mengutip ____ biji bateri lama. Dia memasukkan bateri itu ke dalam kotak untuk dihantar ke pusat kitar semula. Bateri lama tidak boleh dibuang sesuka hati kerana sukar untuk dilupuskan.

beberapa

setiap

enam

dua

semua

seluruh

CELIK BAHASA

Kata bilangan ialah perkataan yang menjadi penerang jumlah pada frasa nama dan hadir sebelum frasa nama.
Kata bilangan tentu menunjukkan jumlah yang tentu.
Contoh: dua, lima
Kata bilangan tak tentu menunjukkan jumlah yang tidak tentu.
Contoh: beberapa, semua

5.1.4(iv)

LIVEWORKSHEETS